



4 pelajar Mekatronik ditawarkan penempatan ke Jerman

Seramai empat orang daripada 16 pelajar dwi-ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang merupakan perintis program kejuruteraan Jerman di UMP ditawarkan menjalani latihan industri di Jerman selama enam bulan bermula pada September ini.

Tawaran penempatan di luar negara ini memberi peluang kepada mereka menjalani latihan industri di samping menambahkan ilmu dalam bidang kejuruteraan di Jerman.

Mereka adalah Wan Nurul Farah Liyana Razali, 23 dan Chew Yen Ying, 23 ditempatkan di Syarikat Robert Bosch GMBH, manakala bagi Mohamad Redzuan Samad, 23 di syarikat Watlow GmbH dan Fathi Zaidan Jamaludin, 23, di Infineon, Regensburg Bavaria.

Menurut Pengarah Pusat Akademik dan Kerjaya Jerman (GACC) UMP, Brian Trenaman, UMP merupakan IPTA pertama di negara ini yang menawarkan program kejuruteraan berkembar peringkat ijazah dalam bidang

automotif dan mekatronik dengan Hoshule KarsRUhe Technic Und Wirtschaft (HsKA) dari Jerman sejak tahun 2010.

Pihak GACC turut berperanan dalam membantu pelajar dalam mendapatkan penempatan menjalani latihan industri sama ada di luar negara ataupun syarikat Jerman di Malaysia.

“Peluang bekerja di Jerman yang merupakan negara teknologi tinggi ini mampu dimanfaatkan pelajar untuk menimba pengalaman dalam memenuhi keperluan industri dalam melengkapkan pengajian mereka dalam bidang kejuruteraan,” katanya yang berbangga dengan kejayaan pelajar yang berjaya mendapat tempat menjalani latihan industri di luar negara.

Katanya, sehingga kini empat pelajar telah menerima surat tawaran untuk menjalani latihan industri di Jerman manakala sebahagiannya akan menjalani latihan industri di syarikat-syarikat Jerman yang berada di Malaysia.

Pihaknya turut menjemput Presiden Lembaga Penasihat HsKA, Profesor E. H. Wernwe Vogt, bagi mengendalikan beberapa program yang diatur sebagai persediaan terutamanya melibatkan aspek komunikasi dan memahami budaya kerja dengan syarikat di Jerman.

Bagi Wan Nurul Farah Liyana Razali berkata, beliau kini yakin dan berasa bertuah kerana terpilih untuk menjalani latihan industri di Jerman yang merupakan impian beliau sejak mula mendaftar belajar di UMP.

Rakannya, Fathi Zaidan Jamaludin, berasa teruja apabila beliau turut menerima tawaran daripada tiga buah syarikat iaitu dua syarikat di Jerman dan sebuah syarikat di Malaysia yang menawarkan penempatan menjalani latihan industri.

Walaupun berat hati berjauhan keluarga, beliau cekal memilih syarikat di Jerman untuk menimba pengalaman dalam bidang yang diminatinya.